

# ANALISIS WACANA KRITIS PERUTUSAN PERDANA MENTERI DR. MAHATHIR MOHAMAD

*Idris Aman*

## **Abstrak**

Makalah ini bertujuan untuk memperlihatkan bahawa ilmu linguistik – dengan merujuk khusus kepada kerangka analisis wacana kritis, wajar digembleng oleh pengamat sosial (termasuk ahli linguistik) dalam analisis sosial yang dilakukan oleh mereka. Untuk itu, makalah ini menganalisis wacana Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad. Didapati dalam perutusan Dr. Mahathir Mohamad, terselindung amalan kepimpinan orientasi khalayak, amalan kepimpinan tegas, dan ideologi kepimpinan “pemimpin memimpin”.

## **Abstract**

*This article intent to show that discipline of linguistics – with reference to critical discourse analysis framework should be combined by the social analyst (so do linguist) in their social analysis work. For the purpose, this article analyzed the discourse of Prime Minister Dr. Mahathir Mohamad. It is found that a public oriented leadership practice, authoritative leadership practice, and ideology of “leading-leader” are hidden in the Prime Minister’s messages.*

## **PENDAHULUAN**

Sungguhpun persoalan sosial terselindung atau tertanam dalam bahasa, serta bahasa adalah salah satu unsur penting bagi memahami masyarakat,<sup>1</sup> tetapi bahasa kerap diketepikan oleh ahli sains sosial. Fairclough (1992: 1–5) menggariskan dua sebab utama terjadinya keadaan demikian. Pertama, ahli sains sosial khusus dikatakan tidak berminat memanfaatkan bahasa sebagai sebahagian alat analisis sosial kerana mereka cenderung

mempercayai bahawa isi sosial data bahasa boleh dibaca tanpa pemerhatian mendalam terhadap bahasa. Kedua, dalam kalangan ahli linguistik pula dikatakan wujud kecenderungan melihat bahasa sebagai telus semata-mata tanpa bacaan terhadap makna sosial yang tertanam di dalamnya. Faktor kedua ini dikaitkannya dengan pendominasian disiplin linguistik oleh linguistik murni yang terlalu memberatkan paradigma formalistik dan kognitif,<sup>2</sup> selain ketiadaan dan/atau ketakupayaan metode analisis bagi tujuan tersebut, hatta dalam subdisiplin linguistik yang mempunyai kaitan dengan sosial sendiri pun, seperti sosiolinguistik,<sup>3</sup> pragmatik,<sup>4</sup> dan analisis wacana. Dengan menumpukan subdisiplin analisis wacana, dikatakan bahawa kebanyakan kajian wacana yang ada juga berciri telus. Keadaan tersebut berlaku kerana orientasi sosial, kuasa, dan proses interpretasi kurang/gagal ditekankan dalam analisis atau dengan kata lain, tidak kritis. Analisis wacana demikian kebanyakannya adalah analisis wacana bukan kritis (lihat Fairclough, 1992).

Di Malaysia kebanyakan analisis wacana yang dihasilkan adalah analisis wacana bukan kritis. Analisis wacana demikian tidak berhasrat mempertalikan persoalan sosial yang tertanam dalam wacana. Kebanyakan analisis wacana (Melayu khususnya) yang dihasilkan adalah usaha memanfaatkan wacana untuk memerihal tatabahasa wacana, prosodi wacana, struktur wacana, tekstur wacana, dan strategi wacana.<sup>5</sup>

Oleh yang demikian, makalah ini berhasrat menunjukkan pandangan bahawa dalam bahasa<sup>6</sup> tertanam proses sosial tertentu, yang dalam konteks ini ialah proses kepimpinan. Serentak dengan itu, makalah ini juga ingin membuktikan bahawa proses sosial tersebut sebenarnya boleh dijelaskan melalui pendekatan analisis wacana yang sistematik dan berpada. Dengan kata lain, kajian dalam makalah ini adalah suatu usaha menambah nilai linguistik (sains yang mengkaji dan menghuraikan bahasa) sebagai satu ilmu yang wajar digembleng dalam usaha memahami sesuatu proses atau persoalan sosial.<sup>7</sup> Bahasa sentiasa penting dalam politik yang sebahagiannya proses kepimpinan. Perbezaan politik selalu dikonstitusikan sebagai perbezaan dalam bahasa; begitu juga pertarungan politik sebahagiannya adalah pertarungan dominasi terhadap bahasa (Fairclough, 2000:3). Peningkatan kepentingan bahasa dalam proses sosial tersebut turut membawa kepada peningkatan aras kesedaran dalam kalangan pemimpin untuk mengawal dan membentuk amalan bahasa yang sesuai dengan matlamat atau objektif kepimpinannya (Fairclough dan Wodak, 1997:260).

Bagi mencapai hasrat tersebut, subdisiplin linguistik yang digembleng secara khusus dalam kajian ini ialah analisis wacana, manakala proses

kepimpinan<sup>8</sup> yang tersirat atau tertanam dalam wacana yang cuba dijelaskan pula ialah amalan dan ideologi kepimpinan.<sup>9</sup> Dalam perkataan lain, kajian ini menganalisis cara wacana/bahasa dimanfaatkan oleh pemimpin bagi memimpin negara – tentunya bagi kelangsungan kepimpinannya juga (serta pada masa yang sama turut menerangkan bagaimana bahasa berperawakan dalam proses tersebut). Daripada analisis berkenaan, amalan dan ideologi yang tersirat akan dapat dijelaskan melalui hubungan dialektiknya dengan perawakan wacana kepimpinan itu.

## WACANA DAN PEWACANANYA

Wacana kepimpinan yang dianalisis ialah Perutusan Tahun Baharu Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad sejak tahun 1982 hingga tahun 1999. Maksudnya terdapat 18 teks tahun baharu yang mengandungi 400 perenggan atau 1487 ayat. Teks tersebut diperoleh daripada risalah *Siri Ucapan Penting*, buku *Koleksi Ucapan Mahathir (1992–1995)*, dan buku *Koleksi Ucapan Mahathir (Julai 1995 – Disember 1996)* yang kesemuanya diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia.<sup>10</sup>

Perutusan Tahun Baharu Perdana Menteri itu dapat diperkirakan sebagai suatu wacana kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad berdasarkan beberapa faktor. Pertama, berdasarkan pandangan Lerman (1985:185) bahawa perutusan pemimpin negara merupakan salah satu bentuk komunikasi massa yang paling signifikan, satu-satunya komunikasi “langsung” antara simbol kuasa politik dan autoriti dengan rakyat. Kedua, perutusan berkenaan merupakan wacana institusi, iaitu wacana yang dihasilkan oleh pewartanya selaku Perdana Menteri. Dengan demikian, wacana itu bersifat neutral dan ditujukan kepada seluruh rakyat Malaysia yang menjadi khalayaknya tanpa mengira fahaman politik, keturunan, dan agama.<sup>11</sup> Ketiga, memandangkan wacana itu merupakan perutusan pada awal tahun baharu, yang memang mempunyai makna dalam perancangan kehidupan masyarakat dan negara, maka perutusan itu merupakan antara ucapan utama negara setiap menjelang tahun baharu. Tambahan pula dalam perutusannya itu termuat ulasan dan maklumat berkaitan dasar kepimpinannya.

Soalnya, mengapa wacana Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad? Dalam konteks Malaysia, menganalisis wacana kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad adalah relevan dan sesuai dengan kedudukan beliau. Mahu tidak mahu sukar dinafikan bahawa Dr. Mahathir Mohamad ialah pemimpin besar yang pernah dilahirkan oleh negara moden ini. Aziz Zariza Ahmad (1997: 1) mengatakan, dalam kalangan penganalisis politik, sama ada di luar negara

ataupun di dalam negara, Dr. Mahathir Mohamad merupakan fokus dan subjek kajian yang cukup menarik dan berterusan. Adshead (1989), Margaret Thatcher (dlm. Govin, 1994:34) dan Azman Ujang (dlm. Govin, 1994:6) menyifatkan Dr. Mahathir Mohamad negarawan dan pemimpin ulung. Rustam A. Sani (dlm. Zainuddin Maidin, 1994:viii) menyifatkannya “penerus dan pembaharu” dan pengamat yang kritis tentang tahap awal pemerintahan negara ini serta watak terpenting dalam kepimpinan dan pertumbuhan masyarakat Malaysia moden dan pemimpin negara membangun yang lantang suaranya di pentas politik dunia. Leifer (dlm. Milne dan Mauzy, 1999:ix) antara lain menyifatkan Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri yang membentuk politik mengikut kemahuannya, kombatif, dan jenis cakap lepas. Malah Khoo Boo Teik (1995) cuba melihatnya dalam kerangka yang dinamakannya “Mahathirisme”. Dalam era kepimpinannya, kelihatan banyak usaha dan tindakannya selaku pemimpin, sama ada di peringkat nasional ataupun antarabangsa. Ada yang berjaya dan separuh berjaya malah ada yang gagal,<sup>12</sup> tetapi itulah kelainan corak, kecekelan, dan keberaniannya bertindak sebagai pemimpin.

Tentang bahasanya, Azman Ujang (1994) mencatatkan *what I salute him most is his sheer ability to express himself in clear, unambiguous and plain language, even when speaking to the most intelligent crowd on some of the most complicated issues. For this, no other Malaysian politician, both past and present could match him.*” Govin (1994:31) pula menulis *But the plain talking Prime Minister apparently dislikes molly coddling, muffling and mincing. It has been a straight forward, direct approach all the way.*

Amat kurang wacana beliau dianalisis oleh ahli sains sosial,<sup>13</sup> terutama ahli linguistik.<sup>14</sup> Oleh yang demikian, adalah wajar wacana kepimpinan beliau dianalisis dari dimensi linguistik (analisis wacana) sebagai sebahagian cara memahami proses kepimpinan beliau. Melalui analisis yang sistematik, berpada, dan kritis bolehlah difahami dengan baik proses dan ideologi kepimpinan yang memungkinkan dinilai, dilaksanakan, dihargai serta disanggah kepimpinannya. Kefahaman yang baik dan kritis tentang kepimpinan tokoh ini amat besar ertinya dalam usaha memahami arah pertumbuhan masyarakat Malaysia pada masa depan.

## **ANALISIS WACANA KRITIS SEBAGAI KERANGKA TEORI MENGANALISIS WACANA KEPIMPINAN**

Kerangka teori yang mendasari kajian ini ialah analisis wacana kritis. Prinsip

asas analisis wacana kritis adalah seperti yang berikut:

- Analisis wacana kritis komited dan terikat dengan sains sosial, iaitu memperkatakan persoalan sosial, seperti kuasa, rasisme, hegemoni, dominasi, ideologi, kepimpinan, dan lain-lain.
- Analisis wacana kritis adalah suatu bentuk tindakan sosial, yang membantu mengubah keadaan yang kurang/tidak elok.
- Analisis wacana kritis adalah usaha “pemerihalan”, “penginterpretasian”, dan “penjelasan”.

Selain itu, analisis wacana kritis mempercayai bahawa (a) pertalian antara teks/wacana dengan masyarakat diperantarakan secara tak langsung oleh wacana, misalnya bagaimana hubungan kuasa dilaksanakan, dihalalkan, disahkan, dicabar, atau dirundingkan; (b) wacana dilihat sebagai pembentuk masyarakat dan budaya, serta sebaliknya; (c) wacana melakukan tugas ideologi; dan (d) wacana ialah proses sejarah, dengan maksud wacana semasa terhasil daripada anyaman wacana sebelumnya.<sup>15</sup>

Bagi kajian ini, kerangka analisis wacana kritis yang diterapkan secara khusus ialah kerangka Fairclough (1989; 1992; 1995). Bagi Fairclough “wacana” ialah amalan sosial dan bukan setakat aktiviti individu, manakala “analisis wacana” ialah analisis bagaimana teks berperanan dalam amalan sosiobudaya. Melihat wacana sebagai proses sosial adalah penting kerana wacana mampu membayangkan (i) cara tindakan manusia sebagai satu cara representasi, (ii) pertalian dialektik antara wacana dengan struktur sosial, dalam hal ini struktur sosial merupakan syarat dan akibat amalan wacana. Dari satu sudut, wacana dibentuk dan dikekang oleh struktur sosial, manakala dari sudut yang lain, wacana merupakan binaan sosial. Dikatakan, wacana berperanan membina secara serentak (i) identiti, kedudukan sosial, dan jenis diri subjek, (ii) hubungan sosial antara manusia, dan (iii) sistem pengetahuan dan kepercayaan. Prinsip ini berkaitan dengan multifungsi bahasa dan dimensi makna wacana, iaitu ideasional, interpersonal, dan tekstual. Oleh yang demikian, menganalisis wacana menurut Fairclough memerlukan pemerhatian secara kritis. “Kritis” bermaksud meneroka secara sistematik hubungan legap/terselindung amalan wacana, peristiwa, dan teks dengan proses sosial.

Analisis wacana kritis Fairclough (1989; 1992; 1995) bercorak 3-dimensi, iaitu meliputi analisis teks, analisis amalan wacana, dan analisis proses sosial. Analisis teks adalah usaha memerihal khasiat atau ciri teks, seperti struktur teks,<sup>16</sup> perpautan,<sup>17</sup> tatabahasa,<sup>18</sup> (ketransitifan,<sup>19</sup> tema,<sup>20</sup> dan modaliti<sup>21</sup>), dan leksikalisasi<sup>22</sup> yang boleh membayangkan proses sosial yang telah

dikenal pasti sejak mula lagi. Analisis amalan wacana adalah usaha menginterpretasi secara reproduksi proses penghasilan (penghasilnya, intertekstualiti,<sup>23</sup> dan interdiskursiviti<sup>24</sup>), penyebaran, dan penggunaan wacana.<sup>25</sup> Analisis sosial pula ialah proses menjelaskan persoalan sosial yang terselindung dalam wacana melalui hubungan dialektik dengan satu atau dua dimensi yang dinyatakan di atas.<sup>26</sup> Beliau turut menegaskan bahawa analisis wacana kritisnya itu sebaik-baiknya merupakan usaha merentas disiplin (Fairclough, 1997:1).

## **KAEDAH KAJIAN**

Analisis kritis terhadap wacana bermula dengan kefahaman atau kesedaran umum serta keupayaan penganalisis menghidu proses sosial yang terselindung dalam wacana yang akan dianalisis. Langkah penting seterusnya ialah menganalisis dan menghuraikan secara lanjut ciri teks serta menginterpretasi amalan wacana berkenaan, yang difikirkan dapat membayangkan amalan sosial terbabit. Akhirnya baharulah dijelaskan amalan sosial berkenaan (dalam konteks makalah ini ialah proses kepimpinan) secara berpertaliannya dengan ciri tekstual dan amalan wacana berkaitan.

Analisis ini ialah analisis makro, iaitu melibatkan kesemua 18 teks perutusan berkenaan bagi mendapatkan gambaran menyeluruh tentang persoalan yang dihajatkan. Bagi memudahkan analisis dan perbincangan, semua teks itu dikendalikan secara menandakannya dengan sistem nombor rujukan yang mengandungi maklumat tahun teks perutusan, perenggan, ayat dan klausa (jika berkenaan).

## **WACANA PERUTUSAN DAN PROSES KEPIMPINAN**

Analisis wacana yang dilakukan terhadap Perutusan Tahun Baharu Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad itu bukan setakat menghuraikan wacana sebagai satuan bahasa yang bermakna yang melebihi batas ayat, malah juga merupakan usaha memahami suatu proses sosial, iaitu proses/amalan kepimpinan yang terselindung di dalamnya. Daripada analisis terhadap khasiat teks dan amalan wacananya dirumuskan bahawa dalam wacana berkenaan terselindung amalan kepimpinan orientasi khalayak, kepimpinan tegas, dan ideologi “pemimpin memimpin”.

Berikut dijelaskan dengan lanjut tentang proses kepimpinan tersebut melalui hubungannya secara dialektik dengan ciri amalan wacana dan/atau khasiat teks perutusan tersebut.

## AMALAN KEPIMPINAN ORIENTASI KHALAYAK

Amalan kepimpinan orientasi khalayak ialah kepimpinan yang mengutamakan atau memperkirakan rakyat yang menjadi sasaran dalam pelaksanaan fungsi interpersonal, teks, dan ideasional wacananya. Dalam Perutusan Tahun Baharu Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad, kehadiran amalan kepimpinan ini dirumuskan melalui beberapa perawakan linguistik wacana tersebut yang dianalisis daripada dimensi amalan wacana dan khasiat teksnya.

## DIMENSI AMALAN WACANA

Dalam dimensi amalan wacana, amalan kepimpinan orientasi khalayak dilihat melalui hubungan dialektiknya dengan status penglibatan pewacana (Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad) dalam penghasilan teks, bentuk dan ciri interaksinya, cara penyebaran serta transformasi teks, proses interdiskursiviti, dan intertekstualiti.

## PENGLIBATAN PEWACANA DALAM PENGHASILAN TEKS

Dalam kajian tersebut, dirumuskan bahawa pewacana terlibat aktif dalam penghasilan perutusan tahun baharunya. Penglibatannya itu merupakan manifestasi sikap ambil berat dan prihatin beliau akan apa yang bakal diutuskan kepada rakyat/khalayaknya. Dengan kata lain, beliau tidak lepas tangan dalam penyediaan teks perutusannya dan beliau bukanlah jenis pemimpin yang membaca secara pasif teks yang disediakan untuknya. Sebagai pemimpin utama negara (yang berpengalaman luas) tentulah beliau bertindak demikian kerana sebarang penyataannya sebagai Perdana Menteri tentulah memberi kesan terhadap masyarakat.

Sungguhpun beliau mempunyai pembantu yang boleh menyediakan perutusan/ucapannya, selain sibuk dengan pelbagai urusan, tetapi ada beberapa faktor luaran yang boleh menjadi justifikasi terhadap rumusan di atas. Pertama, berdasarkan pandangan Khoo Boo Teik (1995: 12–13) berikut:

*First, it is well known that Mahathir handles major speeches with considerable care and responsibility and makes it a point to amend drafts of speeches submitted to him until they meet his approval. Second, many speeches contain phraseology and arguments that closely recall Mahathir's own writing, especially when the speeches deal with some of his favourites subjects, such as values, ethics, the press, and foreign*

*investment. Third, even if some speeches carry nuances and rhetorical flourishes not normally employed by Mahathir in his writings, he nonetheless delivers them with respectivity and authentically. This is very often confirmed by the ease with which Mahathir answers questions from journalists or audiences on the subjects addressed by those speeches.*

Kesimpulan bahawa Dr. Mahathir Mohamad memainkan peranan aktif dalam penghasilan teksnya juga diperkukuhkan dengan menoleh sejarah penglibatan beliau dalam penulisan. Dalam kata lain, penulisan bukanlah perkara asing bagi beliau. Beliau pernah menulis buku dan kolum di akhbar sejak zaman persekolahan, ketika menuntut di universiti, dan semasa berkhidmat untuk negara pun.<sup>27</sup>

Selain itu, penyataan oleh Zainuddin Maidin, iaitu wartawan kanan negara yang menyatakan dirinya rapat secara peribadi dengan Dr. Mahathir Mohamad adalah juga justifikasi kepada kesimpulan di atas. Zainuddin Maidin (1994: 222,) menulis, “Dr. Mahathir tidak membaca akhbar di rumah selepas bangun pagi sebaliknya setelah selesai sembahyang subuh beliau akan menulis apa juga yang perlu ditulis seperti rencana dan ucapannya malah waktu di dalam tandas juga beliau gunakan untuk menulis.”

Jadi, dengan justifikasi tersebut, penganalisis berkeyakinan bahawa pewacana terlibat aktif dalam penghasilan perutusan tahun baharunya itu. Secara dialektik, amalan tersebut adalah salah satu manifestasi praktis kepimpinan orientasi khalayak pewacananya.

## KEINTERAKTIFAN WACANA MONOLOG

Amalan kepimpinan orientasi khalayak juga dimanifestasikan oleh sifat keinteraktifan wacana perutusan tersebut. Sungguhpun secara sepintas lalu wacana itu ialah monolog, tetapi jika dihalusi didapati bahawa wacana kepimpinan tersebut sebenarnya berciri interaktif juga.<sup>28</sup> Hal ini demikian kerana perutusan itu merupakan gambaran respons, jawapan, dan rumusan kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad terhadap apa-apa yang berlaku dalam tahun berkenaan. Melalui perutusan itu dapatlah beliau memberi nasihat, teguran, saranan, maklumat, argumen, keterangan, dan doa selaku pemimpin utama negara. Dalam perkataan lain, dalam menghasilkan wacana itu beliau mengambil kira perkembangan yang berlaku di dalam dan di luar negara serta pandangan dan sikap rakyat. Amalan kepimpinan sedemikian membayangkan sifat ambil berat beliau terhadap khalayak rakyat.



## KEINTERDISKURSIFAN WACANA

Keinterdiskursifan (keberjalinan beberapa jenis wacana) perutusan tahun baharu berkenaan turut membayangkan amalan kepimpinan orientasi khalayak pewacananya. Daripada analisis dan interpretasi didapati perutusan tersebut dihasilkan dengan mengartikulasikan bersama-samanya beberapa jenis wacana lain, iaitu laporan, penerangan, hujahan, dan ekspresi.<sup>29</sup> Berikut dijelaskan tentang jenis wacana yang diinterdiskursifkan dalam perutusan berkenaan.

1. Laporan: Wacana jenis laporan yang dijalinan dalam perutusan itu berperanan memaklumi rakyat tentang keadaan negara. Wacana jenis ini didapati dijalin melalui beberapa perenggan pada separuh pertama bahagian isi perutusan. Laporan mendedahkan maklumat tentang “apa”, “siapa”, “bila”, atau “bagaimana”. Matlamat pewacana menginterdiskursifkannya adalah supaya khalayak rakyat tahu akan perkembangan semasa negara daripada Perdana Menteri sendiri. Dalam perutusan itu, antara perkara yang dilaporkan ialah kedudukan ekonomi, keadaan keselamatan negara, peranan Malaysia dalam masyarakat antarabangsa, dan sebagainya. Daripada perspektif yang lebih jauh, pengemukaan laporan merupakan suatu bentuk nilai penanggungjawaban juga. Contoh jenis wacana laporan diperturunkan dalam Lampiran I.
2. Penerangan: Wacana jenis penerangan ialah pemerihaln atau pendedahan sesuatu maklumat dengan lebih terperinci. Dengan kata lain, penerangan ialah lanjutan laporan kerana penerangan bukan setakat melaporkan “apa”, “siapa”, “bila”, dan “bagaimana”, malah turut menerangkan dari sudut “mengapa”. Bagi menerangkan sudut “mengapa” itu pewacana didapati antara lain memanfaatkan teknik penerangan sebab-akibat, penerangan bandingan, dan penerangan incian. Matlamat penggemblengan wacana penerangan ialah memahami khalayak. Dalam perutusan itu, wacana jenis ini dimanfaatkan oleh Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad bagi memahami rakyat akan dasar dan ideologi kepimpinannya, seperti bahaya neokolonialisme, pentingnya perpaduan, pelaburan asing, wawasan menjadikan Malaysia negara maju, dasar berkaitan perindustrian, dan sebagainya. Contoh jenis wacana penerangan diperlihatkan dalam Lampiran I.
3. Hujahan: Hujahan ialah jenis wacana yang membahas atau memper-tahankan sesuatu butiran yang diperkatakan. Didapati, dalam perutusan tahun baharu berkenaan wacana jenis hujahan dimanfaatkan bagi mempertahankan, mengutarakan, dan meyakinkan rakyat terhadap dasar

dan tindakan kepimpinannya, selain menepis tohmahan terhadap kepimpinannya.<sup>30</sup> Memang dalam kepimpinannya, Dr. Mahathir Mohamad banyak sekali memperkenalkan dasar atau tindakan yang kadang-kadang sukar diterima oleh rakyat, seperti penswastaan, pembuatan kereta nasional, Wawasan 2020, mempertahankan kejayaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), budaya kerja baru, dan sebagainya. Dengan menghujah perkara tersebut melalui perutusannya, dapatlah beliau berharap rakyat yakin dengan tindakan kepimpinannya. Contoh pemanfaatan jenis wacana ini diperturunkan dalam Lampiran I.

4. Ekspresi: Wacana jenis ekspresi adalah berkaitan dengan peluahan hasrat dan idea. Dalam perutusan tahun baharunya didapati wacana jenis ekspresi Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad berkaitan dengan idea atau hasratnya tentang ekonomi, sosial, dan kenegaraan. Dari segi ekonomi antara lain diluahkan hasrat kepimpinannya berkaitan dengan produktiviti, pencarian pasaran baru, berjimat, rajin, gigih dan berdisiplin dalam kerja, dan mengurangkan spekulasi dalam pasaran saham. Dari sudut sosial, diluahkan ideanya berkaitan dengan perpaduan, penjagaan dan pendidikan anak, nilai hidup murni, dan kesyukuran. Dari sudut kenegaraan pula diluahkan hasrat berkaitan dengan pengangkatan maruah negara dan mempertahankan kemerdekaannya. Ekspresi Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad tentang perkara tersebut didapati diluahkan secara pernyataan kehendak, larangan, dan ajakan terhadap rakyat. Contoh penggemblengannya ditunjukkan dalam Lampiran I.

Daripada penjelasan di atas dapat dirumuskan bahawa matlamat penjalinan jenis wacana tersebut dalam perutusan tahun baharu pewacana adalah supaya rakyat tahu, faham, yakin, ikut serta atau bersama terhadap dasar kepimpinannya. Tegasnya, pengamalan wacana sedemikian membayangkan amalan kepimpinan berorientasi khalayak.

## KEINTERTEKSTUALITIAN WACANA

Satu lagi amalan wacana yang berkeupayaan memanifestasikan amalan kepimpinan orientasi khalayak dalam Perutusan Tahun Baharu Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad ialah “apa” dan “bagaimana” unsur intertekstualiti digemblengkan oleh beliau.<sup>31</sup> Dua bentuk intertekstualiti yang didapati dimanfaatkannya dalam perutusan itu ialah intertekstualiti meta-wacana<sup>32</sup> dan intertekstualiti praandaian.<sup>33</sup>

Metawacana yang digemblengkan ialah sumber daripada teks lain, iaitu daripada kosa peribahasa Melayu dan Inggeris dan kosa agama Islam. Kedua-duanya didapati sama ada dinyatakan secara ketara oleh pewacana, secara tidak ketara daripada maklumat lama yang difikirkan bahawa khalayak sedia mengetahuinya, atau memuatkannya secara langsung. Intertekstualiti secara ketara dimanfaatkan seperti dalam (1), iaitu melalui penggunaan frasa nama khas “Pepatah Melayu” dan “Hadis” bagi merujuk kepada metawacana berkenaan. Dalam (1), peribahasa Melayu yang diintertekstualkan secara ketara ialah “hujan emas perak di negara orang, hujan keris lembing di negeri sendiri, masih juga kita inginkan negeri sendiri”, manakala hadis mauduk ialah “Habbul watan, minal iman – kasihkan negara sendiri adalah sebahagian daripada iman.”<sup>34</sup>

1. T83.07.1. Kita tidak mahu menyuruh rakyat mendabik dada dan bermegah-megah tetapi kita tidak harus malu kerana kita cintakan negara ini. 2. Pepatah Melayu “Hujan emas perak di negara orang, hujan keris lembing di negeri sendiri, masih juga kita inginkan negeri sendiri”. 3. Tidak ada manusia yang berhati batu hingga ia tidak sedikit pun mencintai tanah tumpah darahnya. 4. Hadis “Habbul watan, minal iman” – kasihkan negara sendiri adalah sebahagian daripada iman.

Intertekstualiti secara tidak ketara daripada maklumat lama yang difikirkan khalayak sedia mengetahuinya ialah melalui frasa penjitu, seperti “Haruslah diingat bahawa” dan “Benarlah” dalam (2) dan (3). Dalam (2), maklumat lama yang diintertekstualitikan ialah “kemiskinan adalah hampir kepada kekufuran”, manakala dalam (3) ialah “kemiskinan itu membawa kepada kekufuran”. Kedua-duanya merupakan terjemahan daripada satu hadis tetapi diharmonikan tanpa rujukan khusus kepada sumbernya. Tujuannya adalah bagi diselaraskan dengan tuntutan dan amalan dalam wacana perutusan tahun baharu.

2. T92.22.1. Percubaan untuk mengasingkan orang Islam daripada proses pembangunan ke arah Wawasan 2020 kerana kononnya Wawasan itu tertumpu hanya kepada kebendaan, merupakan satu usaha untuk mengekalkan orang Islam dalam keadaan mundur dan daif seperti yang dikehendaki oleh musuh-musuh Islam. 2. Tidaklah keterlaluan jika kita berkata bahawa mereka ini, secara sedar atau tidak sedar, bersubahat dengan musuh-musuh Islam. 3. Dakyah mereka ini menjadi lebih buruk apabila mereka sendiri mendapat

nikmat daripada pembangunan yang mereka kecap. 4. Sebenarnya Wawasan 2020 bertujuan mengimbangkan pembangunan material dengan pembangunan rohaniah seperti dikehendaki oleh Islam. 5. Jika pada tahun 2020 kebolehan dan taraf hidup orang Islam di Malaysia masih di tahap sekarang, kita khuatir iman mereka akan tergugat. 6. Haruslah diingat bahawa “kemiskinan adalah hampir kepada kekufuran”.

3. T96.18.1. Kita tidak dikehendaki bekerja sehingga melupakan ibadat untuk akhirat. 2. Kedua-duanya boleh dibuat bersama. 3. Di negara Islam yang miskin papa, ibadat untuk akhirat pun tidak dapat dilakukan dengan sempurna. 4. Demikian juga bagi orang Islam yang telah merantau ke negara lain kerana kemiskinan, kadang-kadang mereka bukan sahaja tidak dapat beribadat tetapi terpisah daripada agama mereka. 5. Benarlah “kemiskinan itu membawa kepada kekufuran”.

Intertekstualiti metawacana secara pemuatan secara langsung dapat dilihat dalam (4). Dalam (4) pepatah Melayu “buang yang keruh dan ambil yang jernih” diintertekstualitikan secara langsung tanpa menyebut sumber atau tanpa frasa penjitu.

4. T84.09.1. Tidak ada dasar atau konsep dalam dunia ini yang baik seratus-peratus. 2. Tentulah ada keburukan dan kelemahan padanya. 3. Tetapi sebagai makhluk yang boleh berfikir kita boleh “buang yang keruh dan ambil yang jernih”.

Secara keseluruhan, metawacana dimanfaatkan oleh Dr. Mahathir Mohamad lebih secara “milik diri”, iaitu dipadukan secara struktur, stail, serta cuba dilindungi tanda proses intertekstualitinya. Tujuannya adalah untuk memudahkan penerimaan perutusan itu dalam kalangan khalayak serta supaya tidak bersifat akademik dan formal. Dalam hal ini, pewacana tidak menjarakkan dirinya daripada wacana dan khalayaknya. Hal ini terbukti melalui jenis kosa teks lain yang digemblengkannya, iaitu teks peribahasa dan kosa agama Islam yang masing-masing sebenarnya berciri didaktik. Selain itu, penyisipan kosa teks agama Islam (hadis) tidak dinyatakan perawinya kerana mungkin pewacana menganggap khalayak Islam sudah sedia memakluminya.

Intertekstualiti praandaian pula hadir dalam bentuk rujukan umum sahaja tanpa dinyatakan secara tegas sumbernya, malah kehadirannya pun tidak menonjol. Antaranya ialah dalam T85.16.1. “Ada yang berkata disiplin akan

menjadikan kita robot ...” dan T91.05.1. “Walaupun ada pendapat yang berkata Dasar Ekonomi Baru (DEB) gagal setelah genap 20 tahun pelaksanaannya tetapi sebenarnya kejayaan DEB adalah luar biasa berbanding dengan lain-lain rancangan sosioekonomi yang dilaksanakan di seluruh dunia.” Penggunaan praandaian secara umum itu (“ada yang berkata” dan “walaupun ada pendapat yang berkata”) adalah untuk mengelakkan kontroversi, selain cuba menjalin hubungan perpaduan dengan rakyat.

Oleh itu, penggembengan kedua-dua bentuk intertekstualiti tersebut secara demikian serta terbatas pula sedikit sebanyak memperlihatkan amalan berwacana Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad yang mengutamakan pengutaraan pendapatnya sendiri secara terus, mudah, dan tidak berbelit-belit. Dengan kata lain, itu juga boleh dipertalikan dengan amalan kepimpinan orientasi khalayak.

### **SIFAT PENYEBARAN DAN PENTRANSFORMASIAN WACANA**

Amalan kepimpinan orientasi khalayak juga terbayang melalui sifat penyebaran dan pentransformasian teks/wacana Perutusan Tahun Baharu Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad. Dari sudut penyebaran wacananya, selaras dengan kedudukan beliau, perutusan itu didapati telah cuba disebarluaskan kepada rakyat negara ini. Langkah itu dilaksanakan dengan bantuan pelbagai media rasmi kerajaan atau swasta, elektronik atau bercetak, seperti penyiaran melalui televisyen, radio, dan akhbar. Malah teks berkenaan diterbitkan sebagai risalah kerajaan dan dibukukan oleh Jabatan Penerangan Malaysia.

Perutusan tersebut didapati turut mengalami transformasi teks yang memudahkan rakyat untuk mencapainya atau membacanya. Langkah ini dilakukan melalui penjana semula teks perutusan itu kepada bentuk berita oleh media massa, seperti televisyen, radio, dan akhbar. Penyebarluasan dan pentransformasian teks itu turut melibatkan alih bahasa daripada bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris, Kadazan, Iban, Cina, dan Tamil.

Amalan demikian membuktikan wujudnya sifat memperkirakan kebolehcapaian rakyat terhadap wacana tersebut. Melalui kaedah ini rakyat yang dipimpinya yang terdiri daripada pelbagai golongan masyarakat yang berbeza keturunan, bahasa, dan agama difikirkan akan dapat mengikuti wacana berkenaan.

### **DIMENSI TEKS**

Beberapa ciri teks wacana Perutusan Tahun Baharu Perdana Menteri Dr.

Mahathir Mohamad turut membayangkan amalan kepimpinan orientasi khalayaknya. Dua ciri teks berkenaan yang dikenal pasti ialah corak penggunaan tatabahasa modaliti dan penggunaan leksikal/kata alternatif.

### Corak Penggunaan Modaliti

Bentuk modaliti yang dominan dalam perutusan tahun baharu tersebut ialah modaliti perintah. Yang menariknya, didapati 75.8 peratus kata modaliti perintah yang hadir pula adalah daripada subjenis permintaan. Tidak ditemui modaliti perintah subjenis lain, seperti arahan. (Ini juga bermakna 24.2 peratus kata modaliti lagi dimanfaatkan sebagai informatif.)<sup>35</sup> Bagi menghasilkan perintah subjenis permintaan, kata modaliti yang dimanfaatkan ialah “mesti”, “harus”, perlu, boleh, hendaklah dan “patut”. Kata modaliti tersebut mempunyai darjah obligasi yang berbeza-beza, dengan “mesti” dipercayai sebagai mempunyai darjah obligasi yang paling tinggi. Statistik penggunaan modaliti perintah subjenis permintaan diperlihatkan dalam Jadual 1.

Taburan penggunaan modaliti perintah subjenis permintaan seperti yang diperlihatkan dalam Jadual 1 jelas membayangkan kecenderungan pewacananya membina hubungan perpaduan dengan khalayak rakyatnya. Hal ini dikaitkan melalui penggunaan kata modaliti “harus” mendahului kata modaliti lain, iaitu sebanyak 33 peratus. Kemudian diikuti oleh “perlu” (20 peratus), “hendaklah” (18 peratus), “mesti” (17 peratus), “boleh” (7 peratus), dan “patut” (5 peratus). Selain itu, pemanfaatan pelembut ujaran *-lah* turut

**Jadual 1** Penggunaan modaliti perintah-permintaan dalam wacana kepimpinan.

Modaliti dan frekuensi	Bentuk penggunaan			Frekuensi dan (peratus) sebagai modaliti perintah-permintaan
	sendiri	tidak +	+ lah	
harus (50)	36	10	4	50 (33)
perlu (30)	24	5	1	29 (20)
hendak (27)	-	-	27	27 (18)
mesti (26)	4	-	22	26 (17)
boleh (53)	30	22	1	11 (7)
patut (7)	5	2	-	7 (5)

memperkuh rumusan ini, terutama bagi kata modaliti berdarjah obligasi tertinggi, iaitu “mesti”. Penggunaan “mestilah” lebih kerap berbanding dengan “mesti” memperlihatkan kecenderungan perpaduan di pihak pewacana. Dengan itu, pada keseluruhan bolehlah dikaitkan pola penggunaan modaliti tersebut secara dialektik dengan amalan kepimpinan orientasi khalayak. (Contoh penggunaan modaliti ditunjukkan dalam Lampiran II.)

### Pengalternatifan Kata

Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad juga didapati kerap memanfaatkan kata/leksikal dan/atau frasa alternatif dalam mengutarakan idea, pandangan, dan wawasan kepimpinannya kepada khalayak rakyat melalui perutusan tahun baharunya itu. Penggunaan kata/frasa secara berselang-seli bermaksud mengatakan sesuatu makna dengan pelbagai kata atau cara. Dalam wacana kepimpinannya itu, didapati beliau menggunakan kata/frasa alternatif apabila berbicara tentang kedaulatan negara, budaya kerja baru, dan perpaduan. Teknik ini ditemui dalam kebanyakan teks T82, T83, T86, T87, T88, T89, T90, T93, T98, dan T99. Berikut ialah kata/frasa alternatif yang sering digunakan apabila beliau memperkatakan tiga idea kepimpinannya yang dinyatakan di atas. (Penggunaannya diperlihatkan dalam Lampiran III.)

Penggemblengan ciri teks seperti itu bermakna pewacana mengulang-ulang idea kepimpinan yang sama dalam perutusannya tetapi dipelbagaikan leksikal/kata atau frasa mengenainya. Matlamatnya adalah supaya idea kepimpinannya sampai dan dapat difahami oleh khalayak serta berkesan.<sup>36</sup> Oleh yang demikian, ciri teks ini turut membayangkan amalan kepimpinan

**Jadual 2** Kata/frasa alternatif dalam wacana kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad.

<b>Idealisme kepimpinan</b>	<b>Kata/frasa alternatif</b>
Kedaulatan negara	“Kemerdekaan maruah, kebebasan penjajahan, hamba penjajah, berdiri sama tinggi duduk sama rendah
Budaya kerja	“Kecekapan, mampu bersaing, kos pengeluaran rendah, produktiviti, pasaran baru”
Perpaduan	“Rukun damai, berganding bahu, kerjasama, persefahaman”

orientasi khalayak.

Demikian penjelasan tentang amalan kepimpinan orientasi khalayak yang terdapat dalam Perutusan Tahun Baharu Dr. Mahathir Mohamad seperti yang terselindung melalui amalan wacana dan dua ciri teksnya.

## AMALAN KEPIMPINAN TEGAS

Amalan kepimpinan tegas bermaksud pewacana sungguh-sungguh, serius, autoritatif, dan tidak ragu-ragu dalam usaha mengutarakan idealisme dan dasar kepimpinannya. Dalam perutusan tersebut amalan kepimpinan tegas yang terselindung dapat dikaitkan daripada penggembleran dua aspek leksikalisasinya, iaitu dari segi penggunaan leksikal/kata kemiliteran<sup>37</sup> dan penggunaan metafora yang berkaitan dengan api (metafora api).<sup>38</sup>

### Penggunaan Leksikal Kemiliteran

Penggunaan kata yang berkaitan dengan militeri dalam wacana kepimpinan berkenaan sedikit sebanyak dapat memanasifasikan amalan kepimpinan tegas Dr. Mahathir Mohamad. Kata demikian didapati sering digembler oleh pewacananya dalam tiga situasi genting, iaitu ketika negara menghadapi kegawatan ekonomi pada tahun 1998–1999, ketika berbicara tentang kepentingan ilmu teknologi maklumat, dan ketika berbicara tentang masalah dadah.

1. Kata Kemiliteran dan Kegawatan Ekonomi: Ketika negara mengalami kegawatan ekonomi sekitar tahun 1998 hingga 1999, kata kemiliteran dimanipulasi oleh Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad bagi mengambarkan situasi semasa. Kegawatan ekonomi itu dikaitkannya dengan tindakan pihak asing (yang dipanggilnya spekulator mata wang) terhadap ekonomi dan mata wang negara ini. Kata kemiliteran “serangan” (dan terbitannya yang lain, iaitu “menyerang” dan “diserang”) dimanfaatkan bagi memperlihatkan tindakan pihak spekulator asing itu terhadap negara dan rakyat negara ini. Bagi membangkitkan semangat pertahanan mental dalam kalangan rakyat pula agar menghadapi “serangan” pihak spekulator asing itu, beliau memanfaatkan kata kemiliteran “perjuangan, (*tidak*) menyerah, korban, dan berkorban”. Kata demikian kerap hadir dalam perutusan tahun 1998 dan 1999. Contoh penggunaan kata kemiliteran dan kegawatan ekonomi yang mampu memanasifasikan praktis kepimpinan tegas ditunjukkan dalam Lampiran IV.
2. Kata Kemiliteran dan Teknologi Maklumat: Perdana Menteri Dr. Mahathir



Mohamad turut menekankan peri pentingnya rakyat negara ini mempelajari teknologi maklumat dan komunikasi supaya seiring dengan perkembangan zaman kini. Kerajaan di bawah pimpinannya telah mewujudkan Koridor Raya Multimedia (MSC) sebagai pemangkin kehidupan pascamoden berasaskan teknologi maklumat serta Majlis Kebangsaan Teknologi Maklumat dan sebuah kementerian bagi menyelaraskan penggunaannya dalam kalangan rakyat. Oleh itu, keperluan mempelajari dan memiliki ilmu tersebut diibaratkannya sebagai “peperangan”, iaitu suatu keadaan genting. Dengan itu, dalam perutusannya didapati beliau memanfaatkan kata “menguasai” dan “dikuasai” bagi tujuan tersebut.<sup>39</sup> Kata tersebut didapati dimanfaatkan dalam perutusan tahun 1997, ketika ilmu berkenaan sedang melonjak (Lampiran IV).

3. Kata Kemiliteran dan Masalah Dadah: Penyalahgunaan dadah dalam kalangan rakyat negara ini adalah musuh utama negara kerana kesan sosialnya sungguh besar. Memandangkan bahaya dan kesan daripada masalah sosial utama negara ini, maka beliau memanfaatkan kata kemiliteran “memerangi” apabila berbicara tentang masalah tersebut. Kata ini hadir dalam teks tahun 1990 (Lampiran IV).

Daripada penerangan di atas, dapat dikatakan bahawa pemilihan kata kemiliteran oleh pewacana adalah sebahagian proses pemiliteran wacana. Pemiliteran wacana pula juga merupakan usaha pemiliteran fikiran pewacana dan khalayaknya. Pewacana, yang dalam konteks ini pemimpin negara, akan berfikir secara militeri apabila menghadapi ancaman asing atau keadaan genting, dan fikiran demikian juga ditiup kepada rakyat yang dipimpnnya demi menghadapi cabaran yang timbul. Oleh yang demikian, secara dialektik penggunaan kata kemiliteran turut memanifestasikan nilai tegas dalam amalan kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad. Beliau tegas dalam usaha menangani keadaan kritikal.

### **Metafora Api**

Amalan kepimpinan tegas Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad turut dibayangkan daripada pemanfaatan metafora api<sup>40</sup> dalam wacana kepimpinannya itu. Didapati metafora api dimanfaatkan melalui dua cara, iaitu secara langsung yang melibatkan kehadiran kata “api”, seperti “api perkauman” dan secara leksikal sinonim yang juga membawa maksud api, seperti “menyala” dan “membakar”, iaitu dalam “ditiup sehingga menyala dan membakar perasaan perkauman”. Melalui wacana itu, metafora api

digembleng apabila beliau berbicara tentang pentingnya perpaduan dijaga. Yang menariknya, metafora api didapati hanya hadir apabila beliau berbicara tentang perpaduan dalam wacana dekad pertama keimpinannya, iaitu tahun 1985 dan 1988. Dalam kata lain, pada dekad pertama keimpinannya gagasan perpaduan diutarakannya dalam nada tegas.<sup>41</sup> Contoh pemanfaatan metafora api diperturunkan dalam Lampiran V.

Amalan keimpinan tegas Dr. Mahathir Mohamad itu nampaknya bukanlah amalan luar biasa. Pandangan tokoh di luar bidang linguistik mungkin turut membantu menjelaskan kesimpulan di atas. Khoo Boo Teik (1995: 272) misalnya menulis, "*Mahathir seemed to enter Prime Minister's office with a rude slamming of doors*". Di halaman lain bukunya pula Khoo Boo Teik (hlm. 201) menilai keimpinan Dr. Mahathir Mohamad seperti berikut, "*But as his policies, campaigns, and slogans showed, he far preferred the masses to play their part according to his script and under his tutelage*". Di bahagian penutup buku *Warisan Kepimpinan* (Mahathir Mohamad, 1980:234) penyusunnya ada memetik pandangan Subky Latif tentang watak pewacana, iaitu "sepanjang perjuangannya juga dia adalah seorang yang kontroversial. Boleh dikatakan dia sering berdepan dengan berbagai-bagai pertikaian tetapi wataknya yang "keras" itu sentiasa memberinya kemenangan yang total".

## KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, hubungan dialektik antara amalan wacana dan khasiat teks dengan amalan keimpinan dapat dijelaskan seperti yang berikut. Pertama, amalan keimpinan orientasi khalayak dan amalan keimpinan tegas yang terselindung dalam Perutusan Tahun Baharu Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad membayangkan cara tindakan keimpinan beliau, iaitu cara beliau bertindak terhadap dunia, terutama ke atas khalayak rakyat sebagai sebahagian cara representasi.

Kepimpinan orientasi khalayak yang diamalkannya menunjukkan beliau bertindak dalam kerangka pemimpin jarak jauh, sebagai pemimpin negara demokrasi, dalam konteks perutusan tahun baharu, dan mengikut situasi tertentu. Dalam konteks demikian, hubungan pemimpin-rakyat memang tidak wajar bersifat formal atau bercorak "atas-bawah", sebaliknya wajar saling memerlukan seperti yang diperlihatkan dalam wacananya itu. Oleh itu, amalan keimpinan sedemikian dibentuk dengan matlamat mendapatkan sokongan dan kepercayaan serta mencapai persefahaman.<sup>42</sup>

Dalam pada itu, tidaklah pula bermakna pemimpin perlu mengamalkan

kepimpinan orientasi khalayak sahaja sepanjang masa. Sebagai pemimpin yang dipilih dan diberi kepercayaan oleh rakyat (dan secara peribadinya berwibawa), Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad juga mengamalkan kepemimpinan tegas dalam situasi tertentu. Sebagai pemimpin utama negara, tentulah beliau mempunyai hak dan wibawa untuk bertegas dalam situasi yang memerlukan bertegas.

Kedua, amalan kepemimpinan tersebut membayangkan wacana tahun baharu beliau dibentuk dan dikekang oleh struktur sosial dalam pengertian luas, secara langsung atau tidak langsung. Struktur sosiallah yang menghendaki wacana dihasilkan sedemikian rupa. Struktur sosial jugalah yang menghendaki pemimpin berinteraksi dengan rakyat, dalam erti kata pemimpin perlu melaporkan, menjelaskan, dan mempertahankan tindakan kepimpinannya. Hal ini demikian kerana rakyat berhak mengetahui dan menyoal serta memiliki pemimpin yang bertanggungjawab dan berpendirian.

Serentak dengan itu, wacana tersebut juga berperanan membina sosial secara langsung atau tidak langsung, serta membentuk dan mengekangnya. Di pihak rakyat, wacana membantu pemimpin dalam membentuk rakyat yang dipimpin ke arah idealisme pemimpin. Di pihak pewacana sebagai pemimpin, wacana membina, memperkukuh, dan melangsungkan kepimpinannya.

Walau bagaimanapun, perkara tersebut di atas tidak akan berjaya dengan sendirinya tanpa ideologi kepemimpinan yang mantap. Dalam hal Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad, amalan kepimpinannya itu berlangsung kerana ideologi “pemimpin memimpin” yang dipegangnya.

Ideologi “pemimpin memimpin” ialah kepercayaan bahawa pemimpin memiliki kelebihan dalam kebanyakan hal berbanding dengan golongan yang dipimpin. Dalam kata lain, pemimpin mesti lebih berpengetahuan, bijaksana, berkemampuan memberi pimpinan dan idea, berani, berupaya mempengaruhi dan bukan dipengaruhi, berwibawa, dan seumpamanya. Dengan kepercayaan begitu, pemimpin wajar memimpin.

Pegangan ideologi “pemimpin memimpin” oleh Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad itu dapat disahihkan melalui garapan terhadap wacananya di tempat lain, seperti dalam buku koleksi ucapannya sebelum menjadi Perdana Menteri *Warisan Kepimpinan* (1980) serta melalui pandangan penulis/peneliti lain, seperti Aziz Zariza Ahmad (1988), Milne dan Mauzy (1999) dan Khoo Boo Teik (1995).

Dalam *Warisan Kepimpinan* (1980), Dr. Mahathir Mohamad menegaskan “pemimpin perlu memimpin, iaitu menunjuk jalan kepada pengikut” (hlm. 37) kerana “pemimpin muncul kerana mereka mempunyai kebolehan

yang lebih daripada yang lain. Kebolehan ini tentu berasas kepada pengetahuan yang juga lebih. Melalui pengetahuan ini pemimpin dapat menilai sesuatu dengan lebih tepat dan waras” (hlm. 38). Bagi beliau, “pemimpin bukan sahaja dikehendaki mengikut kehendak ramai tetapi juga membentuk fikiran dan sikap ramai ke arah kebaikan” (hlm. 20) dan “pemimpin yang semata-mata menurut bukanlah pemimpin sebenarnya” sebaliknya dianggapnya “oportunis yang cuba mengguna pendapat ramai untuk mendapat tempat bagi dirinya” (hlm. 38). Dalam temu bual dengan majalah *Asiaweek*, Mei 1997 pula beliau ada menegaskan “*You have to lead. You should be sensitive to what your followers think. But if you do exactly what they want, you’re not a leader*” (Milne dan Mauzy, 1999:3).

## NOTA

- 1 Misalnya, Fowler (1977:76) menulis “*Language is a powerfully committing medium to work in. It does not allow us to ‘say something’ without conveying an attitude to that something. When we speak or write, the words and sentences we choose resonate for our hearers and readers, emitting potential significances which are only partly under our control*”. Foucault (1979) telah menegaskan bahawa kepentingan teknologi dalam kuasa bentuk moden jelas didahului oleh bahasa; Pêcheux (1982) pula telah mengenal pasti wacana sebagai bahan utama linguistik bagi membentuk ideologi; dan Habermas (1984) menegaskan bahawa penguasaan kehidupan dunia oleh sistem ekonomi dan *state* adalah melalui penggunaan bahasa secara strategik (lihat Fairclough, 1992:2–5). Selain itu, Chilton dan Schäffner (1997:206) menulis, “*It is surely the case that politics cannot be conducted without language, and it is probably the case that the use of language in the constitution of social groups leads to what we call ‘politics’ in a broad sense*”.
- 2 Linguistik murni, sungguhpun telah mencapai kejayaan yang membanggakan serta diterima umum dalam sains bahasa dan sains sosial tetapi kejayaan itu dikatakan telah menyempitkan konsep kajian bahasa. Hal ini demikian kerana linguistik murni memberi perhatian sedikit sahaja kepada bahasa gunaan sebenar dalam analisis yang biasanya tertumpu kepada fonologi, morfologi atau sintaksis. Di samping itu, linguistik murni dikatakan gemar mengkategorikan bahasa sebagai sistem potensi kecekapan mujarad, berbanding dengan cuba menceritakan amalan bahasa sebenar. Keadaan demikian telah menyebabkan pengasingan bahasa daripada acuan sosial dan sejarahnya (lihat Fairclough, 1989;1992).
- 3 Sosiolinguistik yang berkembang di bawah pengaruh disiplin antropologi dan sosiologi, yang dianggap oleh sesetengah ahli bahasa sebagai reaksi terhadap pengabaian linguistik murni akan kepelbagaian syarat sosial dalam bahasa, atau sebagai pelengkap kepada linguistik murni, atau oleh sesetengah yang lain sebagai mencabar ketakrealistikan

linguistik murni, juga bersifat telus kerana terbatas dalam soal kritis. Hal ini demikian kerana kecenderungan sebahagian pengamalinya melihat kelainan dalam linguistik sebagai fakta yang boleh dicerap dan diperihalkan mengikut kaedah yang selari dengan sains tabii, seperti menghuraikan korelasi antara bentuk linguistik dengan pemboleh ubah sosial. Selain itu, sosiolinguistik memang kukuh dari segi menjawab soalan “apa” tetapi agak lemah dalam menjawab soalan “mengapa” dan “bagaimana”, seperti mengapa keadaan bahasa demikian, bagaimana keadaan itu mewujudkan susunan sosiolinguistik, mempertahankannya, atau mengubah keadaan.

- 4 Ketelusan (keterbatasan) pragmatik pula adalah kerana kebanyakannya dimajukan dengan merujuk kepada ujaran tunggal daripada wacana. Dengan demikian, pengertian pusat “lakukan bahasa” menjadi bermasalah apabila manusia cuba menggunakannya untuk menganalisis wacana (Fairclough, 1989:7).
- 5 Saya merujuk kepada analisis wacana yang dihasilkan di tahap Doktor Falsafah. Di tahap itu ada 15 kajian yang dihasilkan dan 14 daripadanya adalah analisis wacana bukan kritis. Lihat Idris Aman (2001).
- 6 Pengertian bahasa dalam konteks ini seterusnya ialah bahasa gunaan sebenar atau *language use*, atau *performance* atau dalam istilah yang menjadi *trend* sekarang “wacana”.
- 7 Proses sosial bermaksud aktiviti atau tindakan dalam masyarakat yang mempunyai pelbagai orientasi sama ada ekonomi, politik, atau sosial, seperti perubahan sosial, kependidikan, kepimpinan, kawalan sosial, ideologi, dan sebagainya.
- 8 Proses kepimpinan merupakan proses sosial yang diteliti dalam analisis wacana ini kerana kepimpinan merupakan aspek kehidupan sosial yang penting. Dalam konteks bernegara, pemimpin ialah tangan yang berperanan membina dan mencorak masa depan sesuatu bangsa dan sesebuah negara. Jatuh bangunnya sesuatu bangsa dan sesebuah negara banyak bergantung pada pemimpinnya (Wan Hashim Wan Teh, 1997:136). Kepimpinan dalam masyarakat amat penting kerana menjadi tanggapan umum bahawa kestabilan, keharmonian, dan kesejahteraan di dunia dan di akhirat bagi sesuatu masyarakat terdapat pada pemimpinnya. Malah Islam sendiri pun memang meletakkan kepimpinan sebagai unsur kehidupan sosial yang amat penting, hatta dalam kelompok yang kecil sekalipun, seperti sabda rasulullah s.a.w. riwayat Abu Daud yang bermaksud “Apabila berkumpul tiga orang untuk keluar musafir menuju ke sesuatu destinasi, maka hendaklah salah seorang antara mereka itu dilantik menjadi pemimpin (Andek Masnah, 1999:36, 47).
- 9 Amalan kepimpinan dalam kajian ini bermaksud meneliti dan menerangkan bagaimana pemimpin jarak jauh sampai kepada khalayak melalui wacananya dalam usaha mempertahankannya dan mengekalkan kuasa kepimpinan. Ideologi yang dimaksudkan di sini ialah mengenai apa yang dikata dan difikir oleh manusia ketika berinteraksi dengan masyarakat (Simpson, 1993:5) atau kerangka mental – bahasa, konsep, kategori, pemikiran, dan sistem representasi – yang digunakan oleh sesuatu kelas dan kelompok sosial dalam usaha untuk memberi makna, membentuk dan menghasilkan kebolehfahaman cara masyarakat berperanan (Hall, 1996 dlm. van Dijk, 1998a:9) yang juga bertindak untuk mengatur amalan sosial (van Dijk, 1998a:9).
- 10 Menyampaikan perutusan tahun baharu pada setiap malam tahun baharu sudah menjadi tradisi Perdana Menteri Malaysia. Perutusan Tahun Baharu Perdana Menteri asalnya disiarkan melalui Radio dan Televisyen Malaysia dan juga stesen penyiaran swasta.
- 11 Wacana beliau di tempat atau majlis lain, seperti Perhimpunan Agung UMNO, perutusan Hari Raya Aidilfitri, dan seumpamanya adalah untuk khalayak khusus.
- 12 Lihat temu bual beliau dengan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Khalid Mohd. dan

- dua wartawan *Mingguan Malaysia* 16 Jun 2002. Antara lain menurutnya “Saya gagal untuk mencapai perkara paling penting – bagaimana hendak mengubah orang Melayu.”
- 13 Ahli sains sosial yang meneliti wacana Dr. Mahathir Mohamad ialah Khoo Boo Teik (1995) tetapi itu bukannya daripada kerangka linguistik.
  - 14 Ahli linguistik yang meneliti wacana Dr. Mahathir Mohamad ialah Kamila Ghazali (1999) tetapi wacana yang dianalisis ialah wacana khusus Dr. Mahathir Mohamad kepada ahli UMNO atau orang Melayu sahaja dan bukan wacananya selaku pemimpin negara.
  - 15 Penjelasan lanjut tentang prinsip asas dan kepercayaan analisis wacana kritis dapat ditemui antara lain dalam Fairclough dan Wodak (1997), van Dijk (1998b), dan Hodge dan Kress (1993).
  - 16 Struktur wacana/teks dapat memberi sekian banyak pemahaman tentang sistem pengetahuan atau nilai, serta andaian tentang hubungan dan identiti sosial yang terbina dalam wacana (Fairclough, 1992:78).
  - 17 Maklumat cara klausa dijalin bagi membentuk ayat, perenggan, dan teks yang relevan untuk menjelaskan pendekatan retorik teks, sama ada argumentatif, naratif, ekspositori, atau persuasif (Fairclough, 1992).
  - 18 Mengikut Fairclough (1992) tatabahasa yang sesuai dimanfaatkan ialah tatabahasa fungsional, seperti aliran Halliday.
  - 19 Analisis transitiviti (penggunaan ayat pasif, aktif, atau nominalisasi) berkaitan dengan huraian pelaku, penegasan sebab, dan alasan penanggungjawaban dan relevan untuk melihat fungsi ideasional wacana (Fairclough, 1992).
  - 20 Bertujuan melihat struktur tematik, sama ada tema bertanda kerap hadir dan motivasinya (biasanya tentang struktur pengetahuan), dan berkaitan dengan fungsi tekstual bahasa (Fairclough, 1992).
  - 21 Tujuannya untuk menilai darjah keakraban hubungan sosial yang diperlihatkan oleh wacana (Fairclough, 1992:236). Dalam kajian ini, maksud modaliti sama seperti takrifan Asmah Haji Omar (1986) dan Nik Safiah Karim. *et al.* (1996).
  - 22 Menurut Williams (1976 dlm. Fairclough, 1992:186), dalam penyelidikan sosial, terdapat kata kunci tertentu yang dapat menonjolkan makna sosial dengan baik. Vološinov (1929/1973) berpendapat kata merupakan objek fundamental bagi kajian ideologi (dlm. De Beaugrande, 1999:259). Beliau yang turut dikenali sebagai Bakhtin menggunakan istilah *multiaccentuality* bagi menerangkan konsep ini. Baginya, kata (atau tanda lain) tidak hanya memiliki satu makna, tetapi secara tersirat memang memiliki nilai berganda (Fowler, 1996:149).
  - 23 Istilah intertekstualiti diperkenalkan oleh Kristeva pada tahun 1966 sebagai memperjelas konsep *translinguistic* Bakhtin. Secara ringkas, intertekstualiti ialah sumber daripada teks lain yang dianyam oleh pewacana bagi menghasilkan teks baharu. Intertekstualiti dilaksanakan melalui beberapa bentuk, seperti representasi wacana, praandaian, nafian, metawacana, dan ironi. Dalam kajian ini, pengenalan unsur intertekstualiti oleh pewacana akan membantu proses pemahaman hubungan dialektik antara amalan wacana dengan proses kepimpinan (Fairclough, 1992:117).
  - 24 Secara ringkas, interdiskursiviti berkaitan dengan “jenis wacana” yang dijalin atau digembleng dalam penghasilan sesuatu teks/wacana (Fairclough, 1992:232).
  - 25 Walau bagaimanapun, tidak semua aspek dalam analisis tekstual dan amalan wacana itu yang perlu diperihalkan dan diinterpretasikan, melainkan aspek yang relevan dan mempunyai hubungan dialektik dengan proses sosial yang cuba dijelaskan dan dibincangkan.

- 26 Bagi AWK "*truth*" always matters, and is always open to dispute, (Hodge dan Kress, 1993:211.
- 27 Beliau pernah menjadi editor majalah Maktab Sultan Abdul Halim, *Darulaman*, menyumbang beberapa majalah untuk akhbar *Sunday Times* dan menjadi editor majalah Kolej Perubatan sewaktu menuntut di Singapura (Aziz Zariza Ahmad, 1997:16), dan merupakan kolumnis bulanan akhbar terkemuka Jepun *Mainichi Daily News* di bawah kolom berjudul "Dr. Mahathir's World Analysis". Beliau juga penulis buku *The Malay Dilemma* (1970), *Menghadapi Cabaran* (1976), *Warisan Kepimpinan* (1980), *Guide for Small Businessmen* (1985), *Jalan ke Puncak* (1999), dan *Kebangkitan Semula Asia* (1999).
- 28 Pandangan tentang fitur interaktif wacana monolog ini sejajar dengan pandangan ahli teori Rusia yang terkenal, Mikhail Bakhtin (1895–1975) yang mengemukakan konsep "dialogism". Menurut beliau, pada hakikatnya terdapat dialog implisit dalam teks monolog. Dialog implisit dalam teks mungkin merupakan pertukaran atau interaksi sudut pandangan atau nilai antara pengarang dengan pembaca (lihat Fowler, 1996:130, 149–159). Malah pandangan ini juga bersesuaian dengan pandangan Coulthard (1994:xi), iaitu "*written text is essentially interactive*".
- 29 Jenis wacana yang dimanfaatkan itu dihasilkan dalam bentuk perenggan.
- 30 Jenis wacana hujahan ini mempunyai kaitan dengan ciri keinteraktifan wacana monolog.
- 31 Sungguhpun demikian, unsur intertekstualiti didapati amat kurang dimanfaatkannya. Keadaan ini mungkin boleh dikaitkan dengan gaya beliau berbahasa yang terus terang, seperti yang diulas oleh Azman Ujang (1994) dan Govin (1994) di atas. Beberapa unsur intertekstualiti ditemui dalam T83, T84, T85 T90, T91, T92, T93, T94, T95, T96, dan T97.
- 32 Metawacana ialah cara pewacana membezakan aras yang berlainan dalam teksnya sendiri serta cara pewacana menjarakkan dirinya daripada sesetengah aras teks, dan menganggap aras berlainan itu sebagai milik teks lain (Fairclough, 1992). Metawacana berfungsi melalui penyisian, penegasan sumber teks lain atau konvensyen tertentu, metafora, dan parafrasa.
- 33 Praandaian ialah usul dari teks lain yang dimanfaatkan oleh penghasil wacana sebagai sesuatu yang sudah lazim (Fairclough, 1992).
- 34 Perkataan pepatah Melayu dan hadis, serta frasa yang di dalam pembuka kata dan penutup kata adalah tambahan saya.
- 35 Antara ciri yang membezakan kedua-duanya ialah modaliti perintah bersifat usulan, mempunyai sasaran, dan berkaitan dengan masa depan. Modaliti informatif pula lebih bersifat pernyataan pengetahuan, keizinan, keupayaan, kemungkinan, kebarangkalian, dan keengganan. Palmer (1986: 96) mengkategorikannya masing-masing kepada *deontic modality* dan *epistemic modality*. Halliday (1994) menamakannya *proposals* dan *propositions*.
- 36 Teknik pengulangan seperti ini sejajar dengan prinsip beliau, yang sering disebut dalam wacananya di tempat dan ketika lain, iaitu sesuatu yang sukar jika dilakukan berulang kali dan bersungguh-sungguh akhirnya akan dikuasai juga.
- 37 Yang dimaksudkan dengan leksikal kemiliteran ialah kata yang lazimnya diamalkan dalam genre berkaitan dengan ketenteraan, seperti "serangan, perjuangan, menyerah kalah, berkorban," dan "menguasai" (dengan kata terbitan lain masing-masing). Walau bagaimanapun, dalam perutusan tahun baharu yang dianalisis ini, kata kemiliteran tidak

- digunakan untuk maksud tindakan ketenteraan. Penggunaan kata kemiliteran dalam wacana dipercayai sebahagian proses pemiliteran wacana serta boleh membayangkan ketegasan pewacananya. Lihat nota 20.
- 38 Metafora ialah realisasi linguistik lonjakan fikiran daripada satu domain kepada domain yang lain. Semakin banyak yang diselidik tentang metafora semakin banyak yang disedari tentang bagaimana asas pergerakan dalam bahasa dan fikiran (Kittay, 1987: 90). Menurut Fairclough (1992:194), apabila kita mengatakan sesuatu perkara melalui sesuatu metafora, maka kita membina realiti kita melalui cara berkenaan berbanding dengan cara lain. Metafora menstruktur cara berfikir dan bertindak, serta menstruktur sistem kepercayaan dan pengetahuan kita secara resap dan fundamental. Dalam kajian ini, antara jenis metafora yang ditemui ialah metafora api.
  - 39 “Dikuasai” ialah bentuk pasif kata kerja “menguasai”. *Kamus Dewan* (1986:612) menerangkan maksud kata tersebut sebagai berkuasa ke atas sesuatu, mengenakan kuasanya, pengaruhnya, atau kekuasaannya ke atas sesuatu. Dalam konteks ini, kata ini berbau kemiliteran, misalnya dalam pertempuran atau peperangan, lazimnya tentera akan mementingkan penguasaan sesuatu wilayah atau kawasan sebagai sebahagian tanda kemenangan.
  - 40 Metafora api ialah leksikal yang mengiaskan sesuatu konsep dengan api. Api sering ditafsir sebagai unsur panas dan ganas. Dalam budaya Melayu ada peribahasa “api sewaktu kecil adalah kawan, apabila besar adalah lawan”.
  - 41 Keadaan tersebut mungkin boleh dikaitkan dengan pandangan S. Jayasankaran (1988) dalam rencananya “Mahathir: The Man and the PM” *Malaysian Business* 1 Januari, seperti yang dirumuskan oleh Khoo Boo Teik (1995:3) dalam menilai kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad setelah enam setengah tahun menjadi Perdana Menteri sebagai “*simply does not bother*” about “*public relations*”.
  - 42 Malah Dr. Mahathir Mohamad pernah berkata, “Dalam politik yang penting sekali ialah *acceptability* dan *intelligence* adalah yang kedua,” (Zainuddin Maidin, 1994: 276–277).



### Contoh Interdiskursiviti Wacana

#### Laporan

- i. T99.03.1. Krisis ekonomi yang melanda negara kita sejak tahun lalu masih lagi berterusan. 2. Spekulator pedagang mata wang masih dapat bergerak secara berleluasa tanpa sebarang kawalan. 3. Dunia masih belum dapat menerima hakikat bahawa betapa kawalan atau peraturan perlu dikenakan di dalam dagangan mata wang. 4. Kerana itu pedagang mata wang masih bebas menyerang mana-mana mata wang yang tidak dikawal untuk mendapat keuntungan yang besar daripada kesengsaraan rakyat negara-negara berkenaan.
- ii. T90.10.1. Malaysia telah memainkan peranan yang lebih ketara dalam arena politik antarabangsa. 2. Kita dipilih menduduki Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu, menjadi Pengerusi Kumpulan 77 dan mengengerusikan Mesyuarat CHOGM. 3. Malaysia diberi penghormatan menghantarkan pasukan keselamatannya berkhidmat dengan Bangsa-Bangsa Bersatu di Asia Barat dan Namibia. 4. Banyak negara maju mencari pedoman daripada Malaysia berkenaan cara-cara kita memerangi dadah.
- iii. T83.03.1. Dalam bidang politik dan keselamatan negara, kita terus stabil. 2. Pada bulan April yang lalu, kita telah mengadakan Pilihan Raya Umum dalam suasana yang tenang dan Parti Barisan Nasional sekali lagi diberi kepercayaan meneraju Kerajaan Malaysia. 3. Sepanjang tahun 1982 tidak ada perkara-perkara yang tidak diingini berlaku dan ancaman penganas komunis dapat dibendung dengan berkesan. 4. Perhubungan kita dengan negara-negara asing adalah baik dan persahabatan rapat telah dijalin dengan beberapa negara kecil dalam konteks kerjasama negara-negara membangun atau 'south-south cooperation'.

#### Penerangan

- i. T93.02.1. Kestabilan negara yang terus wujud adalah hasil kerjasama semua kaum yang sentiasa berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menentukan perpaduan dan keharmonian kaum sentiasa terpelihara di negara ini. 2. Kunci utama kepada perpaduan yang kita banggakan ini ialah semangat toleransi dan sikap saling hormat-menghormati antara satu sama lain yang kita amalkan. 3. Dengan wujudnya perpaduan dan kerjasama yang erat antara kaum ini, kita telah berjaya melahirkan sebuah negara yang terus stabil dari segi politik, ekonomi, dan sosial. 4. Kestabilan ini jugalah yang telah membolehkan kita berjaya untuk menarik pelaburan asing, salah satu faktor yang telah membantu kita mencatat pertumbuhan ekonomi yang tinggi.
- ii. T94.19.1. Dalam usaha mereka untuk menunjuk kejayaan pengurusan

mereka, pengurus-pengurus cuba mencatat keuntungan yang besar supaya boleh membayar dividen yang tinggi. 2. Dengan itu mereka akan mendapat upah yang bertambah dan banyaklah syarikat gergasi yang cuba “membeli” mereka dengan tawaran gaji yang semakin tinggi. 3. Di Malaysia juga sudah terserap falsafah ini. 4. Pengurus menuntut gaji dan “perks” yang semakin tinggi. 5. Sudah ada yang meminta dibayar upahan berbagai-bagai bentuk bernilai hampir dua juta ringgit setahun.

### Hujahan

- i. T96.16.1. Kerja adalah satu jenis ibadah dan kerja yang boleh menyelamatkan bangsa, agama dan negara tentulah menjadi ibadah yang penting. 2. Kita tidak harus bekerja semata-mata untuk mendapat pendapatan yang bertambah. 3. Kita harus sedar bahawa kerja yang kita buat boleh menolong mempertahankan negara kita.
- ii. T96.19.1. Maju mundurnya sesuatu bangsa tidak bergantung kepada keturunan kaum atau warna kulit. 2. Sebab itu ada bangsa Eropah yang amat mundur dan ada bangsa Asia yang termaju sekali. 3. Maju mundurnya sesuatu bangsa bergantung kepada budaya bangsa itu. 4. Dan budaya bukan sesuatu yang tetap dan tidak dapat diubah. 5. Budaya berubah sepanjang masa dan boleh dicorak secara sengaja.

### Ekspresi

- i. T90.22.1. Usahawan-usahawan Malaysia mestilah berani meneroka pasaran-pasaran baru. 2. Mereka masih terlalu bergantung kepada perlindungan kerajaan. 3. Mereka juga terlalu bergantung kepada para peniaga negara jiran. 4. Para pekerja Malaysia pula mestilah sanggup melibatkan diri dalam beberapa bidang yang penting dalam proses perindustrian Malaysia.
- ii. T85.08.1. Janganlah kita bercakap seolah-olah tidak ada sentimen perkauman dan kita menolak hakikat kaum, tetapi di samping itu, kita timbulkan bermacam-macam perkara yang menyempitkan lagi perkauman dalam kalangan kaum-kaum tertentu. 2. Janganlah kita cuba bermain dengan api perkauman kerana ia amat bahaya. 3. Perpaduan tidak akan wujud jika api perkauman ditiup tanpa tanggungjawab.
- iii. T98.27.1. Marilah kita semua menghadapi cabaran bersama. 2. Marilah kita berkorban. 3. Marilah kita bersatu padu mempertahankan kedaulatan dan maruah bangsa, negara dan agama kita. 4. Dengan izin Tuhan, perjuangan yang terhormat ini akan berjaya.

### Contoh Modaliti Perintah Subjenis Permintaan

#### *Harus*

T88.13.2. Perkara-perkara yang kecil *tidak harus* diperbesar-besarkan, ditiup sehingga menyala.

T88.13.3. Perkara-perkara yang dianggap besar *harus* diselesaikan secara rundingan tertutup.

T92.11.1. Justeru itu, kita *harus* sedar akan betapa pentingnya kita mengamalkan nilai-nilai dan cara-cara yang boleh menjayakan kita.

#### *Perlu*

T88.18.1. Para pengurus juga *perlu* meningkatkan kecekapan mereka.

T93.10.4. Untuk berjaya, kita juga *perlu* membuat perubahan sikap dan berdisiplin.

T98.03.1. Kita *tidak perlu* menukar wang melainkan jika kita ingin mengimport barang.

#### *Hendak(lah)*

T86.08.3. Kita *hendaklah* sentiasa bersikap sederhana dan toleran dalam segala kegiatan.

T88.19.1. Spekulasi yang keterlaluan *hendaklah* dikurangkan, jika tidak dihentikan.

T94.24.3. Budaya yang tahan cabaran *hendaklah* dibentuk dan diamalkan oleh kita semua, di samping falsafah yang telah kita bentuk bersama.

#### *Mesti*

T90.23.3. Orang-orang Islam di Malaysia *mestilah* membuktikan secara jelas bahawa Islam adalah agama yang adil, toleran dan yang membawa kejayaan kepada penganutnya supaya kita mendapat penghormatan daripada pihak lain.

T97.21.2. Perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum *mestilah* diteruskan.

T98.24.2. Kita *mesti* sanggup menghadapi cabaran, sanggup berkorban dalam mempertahankan kemerdekaan dan maruah kita.

#### *Boleh*

T82.11.4. Dalam hal ini, kita *tidak boleh* lalai walau sedikit pun, kerana kestabilan politik boleh lenyap dengan sekelip mata sahaja jika kita tidak mengawasinya.

T90.21.2. Namun, kita *tidak boleh* leka dengan pencapaian-pencapaian ini.

T95.02.2. Namun masalah yang saya sebutkan tadi *tidak boleh* dibiarkan begitu sahaja.

*Patut*

T88.1.4.1. Rakyat Malaysia tidak *sepatutnya* memburukkan imej negara sendiri dalam kalangan orang asing.

T97.07.1. Kita *patut* bersyukur dengan kejayaan dan pencapaian negara kita.

**Lampiran III****Contoh PengalTERNatIFan Kata****Kedaulatan Negara**

T82.03.1. *Kemerdekaan* membawa berbagai kemungkinan – iaitu kemungkinan untuk *menguasai nasib kita sendiri*, kemungkinan untuk *memiliki dan mengawal kekayaan kita sendiri*, dan kemungkinan untuk *mengatur serta menempa masa depan* yang penuh bererti. 2. *Kemerdekaan* dengan sendirinya tidak menentukan kejayaan dan kebahagiaan. 3. Sesungguhnya banyak negara yang sesudah mencapai *kemerdekaan* telah menjadi lebih terkongkong kerana tidak dapat menguasai urusan rumah tangga masing-masing dengan berkesan. 4. Cuma apabila kita dapat *berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah* dengan negara-negara lain baharulah *kemerdekaan* mempunyai makna.

**Budaya Kerja**

T87.10.1. Kita cuma boleh *bersaing* dengan jayanya jika *kos pengeluaran kita rendah* tanpa menjejaskan *kualiti* dan tempoh penghantaran atau ‘delivery’ kita. 2. Untuk tujuan ini walaupun tindakan menurunkan gaji boleh membantu, tetapi yang lebih penting ialah *kos pengeluaran sesuatu unit barangan itu hendaklah lebih rendah*. 3. Jika para pengurus dan para pekerja dapat *mengeluarkan* apa jua *barangan dengan lebih banyak tanpa meningkatkan kos*, dan kita dapat *membekalkan dengan jadual yang tepat*, maka kita boleh bersaing dengan sesiapa sahaja dengan jayanya. 4. Segala tindakan yang meningkatkan kos akan menjadikan kita kurang mampu bersaing atau tidak ‘competitive’ dan ini akan menjejaskan pemulihan ekonomi kita.

**Perpaduan**

T86.18.1. Sempena menyambut tahun baru 1986 ini, marilah kita bersama-sama memperbaharui azam untuk terus meningkatkan lagi perpaduan, *persefahaman* dan *kerjasama* dan bersama-sama *berganding bahu* serta bergerak sebagai *satu pasukan* menghadapi cabaran tahun 1986 dan tahun-tahun yang akan datang.

### Contoh Kata Kemiliteran

#### Kegawatan Ekonomi – kata *serangan*, *perjuangan*, *berkorban*

T98.11.1. Malangnya sekarang negara kita dilanda masalah ekonomi yang serius kerana tindakan orang asing. 2. Mungkin *serangan* mereka hanya kerana kurang percaya kepada kesihatan ekonomi kita.

T98.14.1. Perpaduan dan sokongan ini amat penting kerana kita lihat bagaimana pertikaian politik dalam negara boleh menjejaskan usaha menangkis *serangan* oleh orang asing ini.

T98.26.3. Kita hampir berjaya menebus 400 tahun kehinaan penjajahan oleh orang asing. 4. Apakah kita sanggup membiarkan segala hasil *perjuangan* kita dipersia-siakan?

T98.24.1. Namun kita tidak boleh putus asa dan menyerah kalah. 2. Kita mesti sanggup menghadapi cabaran, sanggup *berkorban* dalam mempertahankan kemerdekaan dan maruah kita.

#### Teknologi Maklumat – kata *dikuasai*, *menguasai*

T97.19.1. Sebenarnya ilmu baru ini bukanlah terlalu sukar *dikuasai*. 2. Seperti biasa, tahap pengetahuan yang diperlukan bergantung kepada jenis-jenis kerja. 3. Yang mudah akan memerlukan pengetahuan yang rendah dan yang canggih akan memerlukan pengetahuan yang tinggi. 4. Antara rakyat Malaysia memang ada yang mampu *menguasai* ilmu-ilmu yang berkaitan. 5. Yang diperlukan hanyalah kesanggupan untuk mempelajari dan *menguasai* ilmu-ilmu ini.

#### Masalah Dadah – kata *memerangi*

T90.10.1. Malaysia telah memainkan peranan yang lebih ketara dalam arena politik antarabangsa. 2. Kita dipilih menduduki Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu, menjadi Pengerusi Kumpulan 77 dan mempengerusikan Mesyuarat CHOGM. 3. Malaysia diberi penghormatan menghantarkan pasukan keselamatannya berkhidmat dengan Bangsa-Bangsa Bersatu di Asia Barat dan Namibia. 4. Banyak negara maju mencari pedoman daripada Malaysia berkenaan cara-cara kita *memerangi* dadah.

## Lampiran V

## Contoh Metafora Api

T85.03.3. Walaupun ada usaha untuk *membakar perasaan perkauman* dalam kalangan kaum-kaum dan fanatisme melalui salah tafsir agama, majoriti rakyat menolak kegiatan ini.

T85.08.1. Janganlah kita bercakap seolah-olah tidak ada sentimen perkauman dan kita menolak hakikat kaum, tetapi di samping itu, kita timbulkan bermacam-macam perkara yang menyempitkan lagi perkauman dalam kalangan kaum-kaum tertentu. 2. Janganlah kita cuba bermain dengan *api perkauman* kerana ia amat berbahaya. 3. Perpaduan tidak akan wujud jika *api perkauman* ditiup tanpa tanggungjawab.

## RUJUKAN

- Adshead, R., 1989. *Mahathir of Malaysia: Statesman and Leadership*. London: Pan Books.
- Andek Masnah Andek Kelawa, 1999. *Kepimpinan Wanita dalam Islam: Kedu-dukannya dalam Syariah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Haji Omar, 1986. *Nahu Melayu Mutakhir (Edisi Baru)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aziz Zariza Ahmad, 1997. *Mahathir's Paradigm Shift: The Man Behind the Vision*. Taiping: Firma.
- Azman Ujang, 1994. "Foreword". dlm. Govin Alagasari, *Mahathir: The Awakening*. Kuala Lumpur: Uni-Strength Sdn. Bhd.
- Chilton, P., dan Schäffner, C., 1997. "Discourse and Politics". dlm. van Dijk, T.A. (ed.), *Discourse as Social Interaction – Discourse Studies: A Multidisciplinary Introduction*. Volume 2. London: Sage Publications Ltd.
- Coulthard, M., 1994. "Preface", dlm. Coulthard, M., 1994. *Advances in Written Text Analysis*. London: Routledge.
- De Beaugrande, R., 1999. "Discourse Studies and The Ideology of 'Liberalism'" dlm. *Discourse studies. Vol. 1 (3): 259–295*.
- Fairclough, N., dan Wodak, R., 1997. "Critical Discourse Analysis". dlm. van Dijk, T.A. (ed.), *Discourse as Social Interaction – Discourse Studies: A Multidisciplinary Introduction*: Jil. 2. London: Sage Publication Ltd.
- Fairclough, N., 1989. *Language and Power*. London: Longman.
- Fairclough, N., 1992. *Discourse and Social Change*. Cambridge: Polity Press.

- Fairclough, N., 1995. *Critical Discourse Analysis: The Critical Study of Language*. London: Longman.
- Fairclough, N., 1997. "Discourse Across Disciplines: Discourse Analysis in Researching Social Change". dlm. 84. Centre for Language in Social Life: Lancaster University.
- Fairclough, N., 2000. *New Labour, New Language?* London and New York: Routledge.
- Fowler, R., 1977. *Linguistics and The Novel*. London: Methuen.
- Fowler, R., 1996. *Linguistic Criticism*. Edisi Kedua Oxford: Oxford University Press.
- Govin, Alagasari, 1994. *Mahathir: The Awakening*. Kuala Lumpur: Uni-Strenght Sdn. Bhd.
- Halliday, M.A.K., 1994. *An Introduction to Functional Grammar*. Edisi kedua. London: Edward Arnold.
- Hodge, R., dan Kress, G., 1993. *Language as Ideology*. Edisi kedua. London and New York: Routledge.
- Idris Aman, 2001. *Wacana dan Kepimpinan: Satu Analisis terhadap Perutusan Perdana Menteri Mahathir Mohamad Ijazah Doktor Falsafah*. Tesis Fakulti Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Kamila Ghazali, 1999. *A Critical Discourse Analysis of the Speeches of Dr. Mahathir Mohamad*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Kamus Dewan*, 1986. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia.
- Khoo Boo Teik, 1995. *Paradoxes of Mahathirism: an Intellectual Biography of Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Kittay, E. F., 1987. *Metaphor: Its Cognitive Force and Linguistic Structure*. Oxford: Clarendon Press.
- Lerman, C. L., 1985. "Media Analysis of a Presidential Speech: Impersonal Identity Forms in Discourse". dlm. van Dijk, T.A. (ed.), 1985. *Discourse and Communication: A New Approaches to the Analyses of Mass Media Discourse and Communication*. Berlin – New York: Walter de Gruyter, 185–215.
- Mahathir Mohamad, 1980. *Warisan Kepimpinan*. Kuala Lumpur: Firma Malaysia Publishing.
- Milne, R.S., dan Mauzy, D. K., 1999. *Malaysian Politics Under Mahathir*. London: Routledge.
- Mingguan Malaysia*. "Saya Kecewa dengan Melayu". Temu bual Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Khalid Mohd, dan dua orang wartawan Mingguan Malaysia. 16 Jun 2002, sempena 21 tahun Mahathir Mohamad Sebagai Presiden UMNO pada 28 Jun 2002.
- Nik Safiah Karim, et al., 1996. *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Palmer, F. R., 1986. *Mood and Modality*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Simpson P., *Language, Ideology and Point of View*. London and New York: Routledge.
- van Dijk, T.A., 1998a. *Ideology: A Multidisciplinary*. London: Sage Publication.
- van Dijk, T.A., 1998b. *Critical Discourse Analysis*. <http://www.uva.nl-teun/cda.htm>.
- Wan Hashim Wan Teh, 1997. "Tamadun Melayu dan Pembinaan Tamadun Abad Kedua Puluh Satu". dlm. Ismail Hussein. *et al.*, 1997. *Tamadun Melayu: Menyongsong Abad Kedua Puluh Satu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. 69–144.
- Zainuddin Maidin, 1994. *Mahathir di Sebalik Tabir*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.